

Jenis Akhbar : UKAS
Tarikh : 27/09/2023
Edisi / Muka Surat : ukas.sarawak.gov.my
Tajuk : Kapasiti Keupayaan Wanita Dalam Keusahawanan Terus Diperkasa

Kapasiti Keupayaan Wanita Dalam Keusahawanan Terus Diperkasa



- 27 September 2023.

KUCHING: Kerajaan Sarawak terus memperkuatkan kapasiti keupayaan wanita terutamanya dalam bidang keusahawanan melalui kolaborasi strategik.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak (KPWK) Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, Miri khususnya mempunyai potensi besar untuk membangunkan kapasiti keupayaan wanita dalam bidang perniagaan.

"Terdapat beberapa usahawan wanita di Miri telah mencapai tahap yang membanggakan hingga ke peringkat global," katanya.

Beliau bercakap demikian ketika ditemui media selepas kunjungan hormat Dewanita Dewan Ushawan Bumiputera Sarawak (DUBS) Cawangan Miri di Bilik Mesyuarat KPWK di sini pada Selasa.

Dato Sri Fatimah memberitahu, Dewanita DUBS mencadangkan satu program kolaborasi iaitu mewujudkan jalinan kerjasama antara **Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa)** **Sarawak** dengan DUBS khususnya Dewanita.

"Program kolaborasi ini dilihat sebagai satu langkah strategik di mana kedua-dua pihak boleh menyokong satu sama lain.

“Kita juga melihat usaha ini sejajar dengan Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak untuk memperkuatkan keupayaan wanita demi kesejahteraan keluarga dan masyarakat secara keseluruhan,” katanya.

Dato Sri Fatimah turut menzahirkan penghargaan kepada Dewanita DUBS Miri yang telah menunjukkan usaha konsisten dalam pembinaan kapasiti ahli-ahli mereka terutamanya usahawan muda.

Turut hadir Timbalan Menteri KPWK Datuk Rosey Yunus, Pengerusi Angkasa Sarawak Wan Azizan Wan Zainal Abidin, Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak Salmah Jobeli dan Timbalan Setiausaha Tetap KPWK Nur Alina Abdullah.